

KETAGIHAN FACEBOOK DALAM KALANGAN PELAJAR SEKOLAH

Norhazlina Abd. Hamid, Abdul Malek Abdul Rahman,
Ahmad Fauzi Mohd Ayub dan Wan Marzuki Wan Jaafar

Abstrak

Kepopularan laman sosial Facebook kini semakin meningkat. Dengan jumlah ahli berdaftar melebihi 500 juta orang menjadikan ia sebagai laman sosial paling diminati. Penggunaan laman sosial ini banyak dikaitkan dengan aplikasi yang disediakan. Ketaksuhan pengguna melayari laman sosial ini telah menimbulkan satu implikasi negatif yang menyebabkan pengguna menjadi ketagihan Facebook. Perkara ini amat dibimbangkan terutamanya dalam kalangan pelajar sekolah. Kajian yang dijalankan ini adalah dalam kalangan 300 orang pelajar di tiga buah sekolah. Instrumen ketagihan Internet oleh Young (1998) telah diubahsuai bagi mengukur ketagihan Facebook dalam kalangan pelajar sekolah. Dapatkan kajian menunjukkan 65% pelajar berada dalam tahap ketagihan 2, diikuti 27% pula pada ketagihan tahap 1 dengan majoriti responden akan melayari Facebook antara 1 hingga 3 jam sehari. Aplikasi yang menjadi kegemaran responden adalah bersempang dengan rakan, menambah kenalan baharu dan memuat naik gambar. Dapatkan kajian juga menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara ketagihan Facebook dengan bilangan rakan dikenali ($r = .226, p < .05$) dan bilangan yang tidak dikenali ($r = .128, p < .05$). Namun begitu, hubungan ini adalah lemah. Selanjutnya dapatkan menunjukkan tidak terdapat sebarang hubungan signifikan ketagihan Facebook dengan tahap pencapaian akademik pelajar. Kajian ini mencadangkan supaya pihak ibu bapa mengawal penggunaan Facebook dalam kalangan anak-anak mereka memandangkan ia boleh menjurus kepada ketagihan Facebook.

Kata kunci: Facebook, ketagihan, penggunaan Facebook

Abstract

The popularity of Facebook as social networking site's is undeniable. With a total of approximately 500 million registered users making it as the most popular social website. The use of social sites is related to the application provided. However, excessive use will cause users addicted to it. This study is among 300 students in three schools nearby. The internet addiction instruments by Young (1998) was modified to measure the Facebook addiction among school students. The study reveals that 65% of students are in level 2 followed by 27% in level 1 with the majority of respondents would visit Facebook from 1 to 3 hours a day. The favorites applications among the respondents was chatting with friends, add new contacts and upload pictures. The findings also showed that there was a significant correlation between Facebook addiction with a known members ($r = .226, p = 0.05$) and an unknown members ($r = .128, p = 0.01$). However, this relationship is weak. The results also showed that there was no significant difference on Facebook addiction among students with high, moderate and weak in academic performances. This study suggests that the parents should control the use of Facebook among their children as it can lead to become addicted to Facebook.

Keywords: Facebook, addiction, Facebook application

PENGENALAN

Facebook merupakan satu utiliti sosial terkini membantu individu berkongsi maklumat dan berkomunikasi secara efisien dengan sahabat, keluarga dan rakan sekerja. Sejarah laman Facebook (www.facebook.com) bermula pada 4 Februari 2004. Laman web yang telah mencetus satu fenomena dalam kalangan pengguna Internet ini diasaskan oleh Mark Zuckerberg. Pada peringkat awal penggunaannya, laman ini hanya membuka keahliannya dalam kalangan rakan kampusnya di Universiti Harvard. Bagaimanapun natijah permintaan yang banyak, keahliannya telah diperluaskan ke seluruh dunia. Fenomena Facebook ini telah menyerap dengan begitu pantas dalam masyarakat di seluruh dunia. Kepopularan laman sosial Facebook ini telah menyebabkan peningkatan ketara pertambahan jumlah ahli yang berdaftar dalam laman web tersebut. Keahlian dalam Facebook merangkumi pelbagai peringkat lapisan masyarakat daripada kanak-kanak, remaja, orang dewasa mahupun warga emas. Selain itu, ahli politik dan selebriti juga tidak ketinggalan mengikuti arus kemajuan teknologi maklumat yang menjadi trend masa kini.

Pada September 2009, jumlah keahlian Facebook adalah 300 juta orang diikuti 350 juta orang (Disember 2009) dan 400 juta orang (Februari 2009). Terkini, jumlah ahli berdaftar dalam laman sosial Facebook mencecah 500 juta orang. Ini bermakna nisbah seorang bagi setiap 14 orang di seluruh dunia kini mendaftar dalam perkhidmatan laman web tersebut (Johardy Ibrahim, 2010). Daripada 500 juta ahli berdaftar sebagai pengguna Facebook, 50% merupakan pengguna aktif yang mengakses laman tersebut pada setiap hari. Selain itu, secara purata setiap pengguna mempunyai 130 orang rakan. Pengguna memperuntukkan masa 700 billion minit setiap bulan semata-mata untuk mengakses Facebook. Sementara itu, dalam satu analisis statistik yang diperoleh daripada sebuah laman yang menganalisis statistik penggunaan Facebook (<http://www.facebakers.com>) menunjukkan bahawa di Malaysia sahaja seramai 7,666,600 juta rakyat telah mendaftar sebagai ahli Facebook dengan 3,931,520 merupakan pengguna lelaki dan 3,642,060 adalah pengguna perempuan. Ini menjadikan 28.4% daripada populasi penduduk Malaysia telah mendaftar sebagai ahli pengguna Facebook. Fakta-fakta ini sudah cukup bagi menggambarkan fenomena yang sedang melanda laman sosial Facebook.

Facebook menyediakan profil peribadi kepada pengguna yang membolehkan mereka berkomunikasi, berkongsi maklumat, menambah senarai kawan, album gambar, membentuk atau menyertai kumpulan-kumpulan sosial lain. Selain itu pelbagai jenis permainan secara atas talian telah menarik minat pengguna untuk terus menggunakan Facebook. Pengguna Facebook juga boleh menggunakan laman ini untuk berkongsi gambar, menghantar dan menerima mesej, berbual (*chat*), menanda (*tag*) diri mereka atau orang lain pada gambar, menulis pada dinding (*wall*) sendiri atau rakan, menyertai dan menubuhkan kumpulan dan juga berkongsi idea dalam perbincangan kumpulan (Ellison, Steinfield, & Lampe, 2007). Facebook juga membolehkan kemungkinan untuk mencari rakan daripada emel yahoo dan hotmail yang mempunyai senarai nama pada akaun Facebook (Coley, 2006). Cassidy (2006) melaporkan pengguna rangkaian sosial Facebook terdiri dari remaja, pelajar universiti, rangkaian profesional korporat dan sesiapa sahaja yang mempunyai akses kepada alam maya. Facebook kini telah menjadi sebahagian dari aktiviti harian pengguna. Selain itu, Facebook telah berjaya menarik minat penyelidik dan pengkaji dari pelbagai bidang untuk mengkaji fenomena yang dicetuskan oleh facebook seperti pola aktiviti pengguna semasa *online* dan *offline*, identiti pengguna ketika *online*, teknologi hubungan sosial dan pola budaya (Ellison, Steinfield, & Lampe, 2007).

Penggunaan Facebook ini juga telah menjadi bahan perdebatan dalam kalangan ahli akademik, agama maupun ahli politik berhubung kebaikan dan keburukan kepada penggunaannya. Namun begitu, penggunaan Facebook secara positif dapat menjadikannya sebagai satu medium untuk menghubungkan masyarakat di seluruh dunia melalui komunikasi di alam maya (Mohd Shamsuriyadi Mamat, 2010). Malahan, Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Najib Tun Razak turut menggunakan Facebook untuk berinteraksi dengan rakyat. Facebook juga mampu untuk membantu kerajaan Malaysia untuk menyampaikan segala maklumat dan juga kempen mempromosi gagasan 1 Malaysia (Mohd Shamsuriyadi Mamat, 2010). Selain kesan baik, terdapat juga banyak kesan yang bersifat negatif yang turut dipaparkan oleh media masa. Mohd Shamsuriyadi Mamat (2010) dalam laporannya turut menyatakan bahawa terdapat akaun diwujudkan untuk membenci seseorang, membuat fitnah dan menyebarkan berita palsu yang boleh menjelaskan keamanan negara.

Implikasi negatif laman Facebook ini juga telah menarik perhatian daripada Majlis Ulama Indonesia. Borhan Abu Samah (2010) melaporkan kebimbangan mengenai kesan dan impak negatif yang timbul akibat daripada penggunaan Facebook seperti penculikan, lari dari rumah dan penyebaran fitnah yang berleluasa telah menyebabkan Majlis Ulama Indonesia mengeluarkan fatwa mengharamkan Facebook di Indonesia. Namun begitu, tindakan pengharaman itu mendapat kritikan daripada pelbagai pihak yang menganggapnya sebagai tidak wajar. Penggunaan Facebook secara melampau juga boleh menjelaskan produktiviti seseorang pekerja tidak kira di sektor awam atau swasta. Ini disebabkan banyak kerja tertangguh akibat terlalu asyik mengakses laman Facebook.

Ketagihan Facebook

Kelekaan pengguna mengakses laman Facebook akan menjurus kepada gejala ketagihan Facebook. Istilah ketagihan Facebook ini diguna pakai daripada istilah ketagihan Internet ataupun ketagihan teknologi. Rice (2005) telah mendefinisikan ketagihan Internet sebagai kecenderungan kompulsif terhadap penggunaan Internet yang mengganggu kemampuan seseorang untuk menjalani hidup normal. Masalah penggunaan Internet dicirikan sebagai ketidak mampuan individu untuk mengawal kebergantungan mereka terhadap internet yang menyebabkan tekanan perasaan dan penurunan fungsional aktiviti harian (Shapira, Goldsmith, Keck, Koshla & McElroy, 2000). Justeru, ketagihan Facebook akan berlaku sekiranya penggunaannya menghabiskan terlampau banyak masa bersosial melalui laman Facebook (Pempek, Yermolayeva, & Calvert, 2009).

Mereka yang menghadapi masalah ketagihan Facebook boleh memberi kesan kepada perubahan tingkah laku tanpa mereka sedari. Menurut Ketua Pengarah Institut Sosial Malaysia, Prof. Madya Dr. Mohamed Fadzil Che Din, individu yang ketagihan Facebook tidak menyedari masalah yang dihadapinya (Rosmalina Abd. Kadir, 2010). Sehubungan itu, adalah menjadi tanggung jawab individu terdekat membantunya merawat ketagihan itu selepas melihat perubahan sikap, tabiat dan tingkah laku individu berkenaan. Facebook kini menjadi penyumbang besar kepada gejala ketagihan Internet. Dalam artikel yang sama Rosmalina Abd. Kadir turut memaparkan beberapa kisah gejala negatif dan temu bual dalam kalangan pengguna yang mengalami ketagihan Facebook. Antaranya adalah laporan temu bual dengan selebriti radio terkenal yang mengaku ketagihan Facebook apabila beliau sentiasa memikirkan pos-pos terbaru yang ingin diletakkan di dinding Facebook dan beliau juga dilaporkan berasa teruja setiap kali menerima komen daripada para peminatnya.

Ciri-ciri tersebut sememangnya dapat memberi gambaran akan ketagihan seseorang itu dalam menggunakan Facebook. Dalam satu artikel oleh Cohen (2009) dipetik daripada Cable Network mengenai tanda-tanda mereka yang mengalami ketagihan facebook. Beliau menganalisa lima faktor yang mengakibatkan seseorang itu mengalami ketagihan Facebook.

- (a) Pengguna akan menghadapi masalah kurang tidur akibat terlalu leka melayari laman Facebook.
- (b) Pengguna akan menghabiskan masa lebih daripada satu jam sehari semata-mata untuk akses laman Facebook.
- (c) Pengguna akan mencari rakan-rakan sekolah lama bagi tujuan untuk berhubung semula. Namun begitu apabila ianya disalah gunakan akan menyebabkan bertemu kekasih lama. Secara tidak langsung dapat menyegarkan kisah lama (*Rekindling old flames*) yang boleh menjuruskan kepada masalah keruntuhan rumah tangga.
- (d) Pengguna yang ketagihan Facebook akan sentiasa mencari peluang untuk akses Facebook semasa bekerja, dan
- (e) Pengguna juga merasa sukar untuk mengelak daripada tidak mengakses Facebook walaupun mereka telah mencuba sebaik mungkin untuk mengelak daripada menggunakanannya.

Keburukan mereka yang ketagihan Facebook juga akan memberi kesan terhadap kesihatan. Obsesi melampau melayari laman web sosial dan permainan komputer boleh menjelaskan fungsi otak. Ketagihan terhadap teknologi ini juga boleh merubah otak dengan menjelaskan tumpuan dan mengurangkan aspek kepantasan reaksi atau kurang rasa empati. Individu yang menghadapi masalah seumpama ini boleh menjadi seorang yang dingin, tidak peka atau tidak sensitif dengan perasaan orang lain kerana fungsi otak mereka telah berubah kesan terlalu asyik dengan komputer dan seterusnya akan menyebabkan minda menjadi tumpul.

Kajian berkaitan penggunaan facebook dalam kalangan remaja dan pelajar sekolah juga telah dijalankan oleh beberapa penyelidik. Mohd Effendi (2010) dalam kajian yang dijalankan di sebuah sekolah di Tanjung Malim melaporkan bahawa 54% pelajar mempunyai tahap ketagihan yang tinggi terhadap Facebook dengan pelajar lelaki mempunyai tahap ketagihan yang lebih tinggi berbanding pelajar perempuan. Dapatkan kajian beliau juga menunjukkan 38% pelajar secara konsisten menggunakan Facebook dua jam sehari dan 56% berpengalaman menggunakan Facebook selama tiga tahun. Selain itu, 36% responden juga mempunyai jumlah rakan Facebook secara purata adalah seramai 201 hingga 300 orang rakan. Dalam satu kajian dalam kalangan 172 orang pelajar di Louisiana State universiti oleh Sheldon (2008) pula mendapati majoriti pelajar mempunyai 200 hingga 350 rakan dengan setiap pelajar akan meluangkan masa 47 minit sehari untuk akses Facebook. Manakala 54% responden akan akses akaun Facebook beberapa kali dalam sehari. Selain itu kajian beliau mendapati min tertinggi bagi tujuan penggunaan Facebook adalah bagi meluangkan masa dan mengekalkan hubungan dengan rakan.

Kajian oleh Ellison, Steinfield dan Lampe (2007) melaporkan 94% pelajar universiti merupakan pengguna Facebook yang berdaftar dan menghabiskan masa 10 hingga 30 minit setiap hari untuk melayari laman Facebook. Secara puratanya mereka mempunyai 150 hingga 200 orang rakan dalam senarai rakan dan menggunakan Facebook untuk berkomunikasi dengan rakan-rakan. Coley (2006) dalam kajiannya mendapati 86% pelajar kolej mempunyai akaun Facebook dan 65% akan mengaksesnya sekurang-kurangnya enam kali. Kajian oleh Ross et. al (2009) ke atas 97 orang pelajar university di Amerika Syarikat mendapati 85% responden kajian mempunyai akaun Facebook dengan 79% akan akses laman sosial tersebut antara 10 – 60 minit setiap hari.

Pengaruh Facebook terhadap pelajar sekolah adalah sangat besar. Laman sosial ini menyediakan satu ruang untuk mereka bersosial bersama rakan atau pun rakan lama. Namun begitu, sekiranya penggunaan Facebook tidak dikawal akan menjerumuskan pengguna kepada satu permasalahan lebih besar. Justeru, kajian berkaitan Facebook adalah perlu terutamanya dalam kalangan pelajar sekolah memandangkan pada usia sebegini mereka perlu memberi tumpuan kepada pelajaran.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan dalam kalangan pelajar di tiga buah sekolah dalam daerah Petaling, Selangor, ianya bertujuan untuk

- a) mengenal pasti tahap ketagihan Facebook,
- b) mengenal pasti aktiviti yang dilakukan berdasarkan tahap ketagihan, dan
- c) menentukan hubungan antara bilangan kenalan dengan ketagihan Facebook.

METODOLOGI

Kajian secara kuantitatif dengan menggunakan reka bentuk tinjauan deskriptif ini bertujuan mengukur dan mengenal pasti tahap ketagihan Facebook dalam kalangan pelajar di tiga buah sekolah di daerah Petaling, Selangor. Data yang diperoleh melalui soal selidik dianalisis menggunakan analisis deskriptif dan inferensi.

Populasi dan Pensampelan

Populasi kajian merangkumi seramai 1052 pelajar tingkatan tiga di tiga buah sekolah menengah di sekitar kawasan Petaling Jaya Selatan. Pemilihan ketiga-tiga buah sekolah ini adalah berdasarkan kepada lokasi sekolah yang berhampiran antara satu sama lain. Pensampelan berstrata digunakan bagi mendapat gambaran yang lebih setara tentang tahap ketagihan Facebook dalam kalangan pelajar ini. Bagi tujuan pensampelan, pengkaji telah merujuk kepada perkiraan oleh Krejcie dan Morgan (1970). Jumlah sampel yang bersesuaian adalah seramai 300 orang yang mempunyai akaun Facebook dengan setiap sekolah terdiri daripada 100 orang pelajar. Sampel kajian pula terdiri daripada pelajar kelas yang mempunyai prestasi akademi yang tinggi (kelas A), sederhana (kelas B) dan lemah (kelas C) bagi setiap sekolah tersebut.

Instrumen kajian

Instrumen kajian terdiri daripada tiga bahagian iaitu bahagian demografi pelajar (Bahagian A), penggunaan Facebook (Bahagian B) dan bahagian C pula mengandungi 20 item yang mengukur tahap ketagihan Facebook. Bahagian A dan B terdiri daripada item yang dibangunkan oleh penyelidik. Bahagian A adalah bagi mendapatkan maklumat peribadi responden. Bahagian B pula adalah bertujuan mengenal pasti aktiviti yang dijalankan semasa melayari Facebook, masa dan jangka masa responden peruntukan untuk melayari Facebook. Sementara itu, item yang digunakan dalam bahagian C pula bertujuan mengukur tahap ketagihan Facebook pelajar. Penyelidik menggunakan instrumen ketagihan Internet bagi mengukur ketagihan Facebook. Ini memandangkan kedua-duanya

mempunyai ciri-ciri yang sama di mana pengguna yang melayari Facebook perlu akses kepada Internet terlebih dahulu. Selain itu, tidak ada instrumen yang khusus bagi mengukur ketagihan Facebook. Justeru, penyelidik telah mengubahsuai instrumen ketagihan Internet yang dibangunkan Dr. Kimberly Young pada tahun 1998. Instrumen yang terdiri daripada 20 item ini merangkumi cara penggunaan, pemikiran terhadap Internet serta masalah yang timbul berkaitan dengan penggunaan Internet. Namun begitu, bagi tujuan kajian ini, instrumen ini telah diubah suai bagi membolehkan pengukuran dilakukan ke atas ketagihan dalam penggunaan Facebook. Instrumen ini juga telah di ubahsuai dan seterusnya diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu bagi memudahkan responden untuk memahami maksud setiap item.

Antara item yang digunakan bagi mengukur ketagihan Facebook adalah berkaitan sejauh mana mereka sedar bahawa mereka telah melayari Facebook lebih daripada masa yang dirancang, kekerapan orang-orang terdekat akan merungut disebabkan keasyikan melayari Facebook, penurunan pencapaian pelajaran di sekolah disebabkan penggunaan Facebook, kekerapan merancang untuk menggunakan Facebook lagi dan sebagainya. Dalam Instrumen asal, Young (1998) telah menyediakan julat skor bagi tahap ketagihan Internet. Skor ini dikira berdasarkan kepada maklum balas yang diperoleh dari responden. Dalam kajian ini, penyelidik telah menggantikan istilah Internet kepada Facebook. Jadual 1 merumuskan tahap, skor markah serta penerangan bagi setiap tahap ketagihan.

Jadual 1: Pengelasan Tahap Ketagihan Facebook Mengikut Skor Markah

Tahap Ketagihan Facebook	Skor Markah	Deskripsi
Tahap 1	20 – 39	Pengguna biasa yang dapat mengawal penggunaan Facebook
Tahap 2	40 – 69	Penggunaan Facebook berlebihan akan menimbulkan masalah kepada responden
Tahap 3	70 – 100	Penggunaan Facebook benar-benar menimbulkan masalah kepada responden

Kajian Rintis

Satu kajian rintis telah dijalankan bagi mendapatkan nilai kebolehpercayaan instrumen kajian. Seramai 41 orang pelajar yang mempunyai akaun Facebook telah dipilih sebagai responden. Nilai alpha Cronbach bagi bahagian B adalah .81 dan bahagian C pula adalah .87.

Dapatan Kajian


Seramai 300 orang responden pelajar tingkatan tiga daripada ketiga-tiga buah sekolah yang mempunyai akaun Facebook telah dipilih. Pecahan pelajar mengikut kategori kelas adalah seperti dalam Jadual 2.

Jadual 2: Bilangan Responden Mengikut Kelas

Nama sekolah	Kelas A			Kelas B			Kelas C		
	L	P	Jum	L	P	Jum	L	P	Jum
Sekolah A	15 42.9%	20 57.1%	35	17 48.6%	18 51.4%	35	17 48.6%	18 51.4%	35
Sekolah B	16 53.3%	14 46.7%	30	15 50.0%	15 50.0%	30	25 83.3%	5 16.7%	30
Sekolah C	17 48.6%	18 51.4%	35	19 54.3%	16 45.7%	35	18 51.4%	17 48.6%	35
Jumlah	48	52	100	51	49	100	60	40	100

Seramai 35 orang responden Kelas A dari Sekolah A yang terdiri daripada 15 lelaki (42.9%) dan 20 orang perempuan (57.1%). Manakala responden Sekolah B berjumlah 30 orang yang terdiri daripada 16 lelaki (53.3%) dan 14 perempuan (46.7%). Di Sekolah C pula terdapat 35 responden dari Kelas A yang terdiri daripada 17 lelaki (48.6%) dan 18 perempuan (51.4%). Bagi kelas B pula terdapat 35 responden dari Sekolah A yang terdiri daripada 17 lelaki (48.6%) dan 18 perempuan (51.4%). Bagi Sekolah B pula, daripada 30 orang responden, bilangan responden lelaki dan perempuan adalah sama ramai. Akhir sekali, di Sekolah C terdapat 35 responden yang terdiri daripada 19 orang lelaki (54.3%) dan 16 orang perempuan (45.7%). Bagi kelas C pula, seramai 35 orang responden (48.6% lelaki dan 51.4% perempuan) daripada Sekolah A, 30 orang responden (83.3% lelaki dan 16.7% perempuan) dan 35 orang responden (51.4% lelaki dan 48.6% perempuan).


Analisis seterusnya adalah berdasarkan kepada pengalaman responden menggunakan Facebook (rujuk Rajah 1).



Rajah 1: Pengalaman Responden menggunakan Facebook

Walaupun Facebook dimulakan pada tahun 2004, namun begitu kebanyakan responden rata-rata mempunyai pengalaman satu tahun menggunakan Facebook. Kajian menunjukkan majoriti responden mempunyai pengalaman selama satu tahun menggunakan Facebook (56.7%) diikuti

dengan kurang dari satu tahun (20%). Sementara itu 19.3% responden mempunyai pengalaman selama dua tahun. Rajah 2 pula menunjukkan tahap ketagihan Facebook secara keseluruhan mengikut sekolah.



Rajah 2: Tahap Ketagihan Facebook dalam Kalangan Pelajar Mengikut Sekolah dan keseluruhan

Dapatkan kajian menunjukkan seramai 190 responden (63.3%) berada pada tahap 2 iaitu bilangan paling ramai (rujuk Rajah 2). Ini diikuti 81 responden (27.0%) berada pada ketagihan tahap 1. Bagi tahap ketagihan Facebook yang kronik iaitu tahap 3, hanya 29 orang responden (9.7%) berada dalam tahap ini. Analisis secara lebih rinci berdasarkan kepada sekolah pula menunjukkan majoriti responden berada pada ketagihan tahap 2 di ketiga-tiga buah sekolah.

Responden yang mengalami ketagihan Facebook banyak dikaitkan dengan jangka masa mereka melayari Facebook setiap kali *login* dalam laman sosial tersebut. Kajian juga dijalankan bagi mengkaji dari segi jangka masa responden mengakses Facebook pada waktu persekolahan (Isnin hingga Jumaat) dan hujung minggu (Sabtu dan Ahad). Jadual 3 dan Jadual 4 menunjukkan jangka masa penggunaan Facebook pada hari persekolahan dan hujung minggu berdasarkan tahap ketagihan Facebook.

Jadual 3: Purata Waktu Penggunaan Facebook berdasarkan tahap Ketagihan Pada Waktu persekolahan (Isnin hingga Jumaat)

Purata Waktu	Tahap 1		Tahap 2		Tahap 3	
	Bil	Peratus	Bil	Peratus	Bil	Peratus
0 – 30 minit	26	32.1 %	22	11.6%	1	3.4%
30 minit – 1 Jam	28	34.6%	57	30.0%	6	20.7%
1 Jam – 3 jam	15	18.5%	59	31.1%	17	58.6%
3 Jam – 5 Jam	5	6.2%	23	12.1%	0	0%

5 Jam – 7 Jam	2	2.5%	18	9.5%	3	10.3%
Lebih dari 7 jam	5	6.2%	11	5.8%	2	6.9%
Jumlah	81	100.0%	190	100.0%	29	100.0%

Dapatan kajian menunjukkan responden yang berada pada ketagihan Tahap 1 memperuntukkan purata waktu tertinggi di antara 30 minit hingga 1 jam (34.6%) melayari Facebook diikuti 0 – 30 minit seramai 26 orang responden (32.1%). Bagi ketagihan tahap 2, 31.1% responden melayari Facebook antara 1 – 3 jam diikuti 30% responden melayari antara 30 minit – 1 jam. Manakala responden yang mempunyai ketagihan pada tahap 3 paling ramai melayari Facebook antara 1 – 3 jam (58.6%).

Jadual 4: Tahap Ketagihan dan Purata Waktu Penggunaan Facebook pada Hari Sabtu dan Ahad

Purata Waktu	Tahap 1		Tahap 2		Tahap 3	
	Bil	Peratus	Bil	Peratus	Bil	Peratus
0 – 30 minit	21	25.9%	12	6.3%	1	3.4%
30 minit – 1 Jam	23	28.4%	44	23.2%	6	20.7%
1 Jam – 3 jam	23	28.4%	67	35.3%	11	37.9%
3 Jam – 5 Jam	7	8.6%	25	13.2%	1	3.4%
5 Jam – 7 Jam	3	3.7%	23	12.1%	3	10.3%
Lebih dari 7 jam	4	4.9%	19	10.0%	7	24.1%
Jumlah	81	100.0%	190	100.0%	29	100.0%

Jadual 4 pula menunjukkan pada hari Sabtu dan Ahad, majoriti responden melayari Facebook antara 1 – 3 jam bagi ketiga-tiga tahap ketagihan. Namun begitu, rata-rata lebih 70% responden yang berada pada tahap ketagihan tahap 2 (70.6%) dan tahap 3 (75.7%) akan melayari Facebook lebih dari satu jam. Berdasarkan kepada kedua-dua jadual tersebut, dapat disimpulkan bahawa pelajar yang berada pada ketagihan tahap 2 dan 3 secara purata akan mengakses Facebook lebih daripada 1 jam sehari sama ada hari persekolahan ataupun hujung minggu.

Pelbagai aplikasi menarik telah disediakan dalam Facebook bagi tujuan menarik perhatian pengguna untuk terus akses laman tersebut. Antara aplikasi yang kerap dilakukan adalah memuat naik gambar (*Upload Photo*), menulis pada dinding (*Wall*) sendiri dan juga rakan, menambah (*Add*) kenalan baru, membentuk kumpulan (*Group*), menulis acara (*Events*), mengemas kini profil, menghantar Mesej (*Messages*), bermain permainan (*Games*), memuat naik video dan aktiviti bersempang (*Chatting*). Jadual 5 menunjukkan nilai min dan sisihan piawai bagi aktiviti yang dilakukan oleh responden semasa melayari Facebook berdasarkan tahap ketagihan.

Jadual 5 : Aktiviti Penggunaan Facebook Mengikut Tahap Ketagihan

Aktiviti	Tahap 1		Tahap 2		Tahap 3	
	Min	SP	Min	SP	Min	SP
1. Upload Gambar (Photo)	2.27	.806	2.88	.924	3.55	1.325
2. Menulis pada dinding (<i>Wall</i>) sendiri	2.17	.933	2.94	1.275	3.41	1.427
3. Menulis pada dinding (<i>Wall</i>) rakan	2.16	1.054	2.83	1.241	3.45	1.088
4. Menambah kenalan baru	3.31	1.114	3.78	1.196	4.00	1.134
5. Membuat kumpulan (<i>Group</i>)	1.54	.852	2.09	1.284	2.52	1.703
6. Menulis Acara (<i>Events</i>)	1.43	.724	1.97	1.100	2.07	1.252
7. Melakukan kemaskini terhadap profil	2.40	1.137	3.11	1.199	3.90	1.047
8. Menghantar Mesej	3.10	1.210	4.00	1.200	3.76	1.154
9. Bermain permainan (<i>Games</i>)	2.63	1.495	3.28	1.643	3.28	1.601
10. Memuat naik video	1.74	1.127	2.27	1.224	2.31	1.339
11. Chatting dengan rakan	3.74	1.104	4.54	.918	4.66	.936

Responden yang berada ketagihan pada tahap 3 mempunyai nilai min tertinggi berbanding responden dalam tahap ketagihan yang lain bagi hampir keseluruhan aktiviti yang disenaraikan kecuali aktiviti menghantar mesej. Responden yang berada pada tahap ini gemar untuk bersempang dengan rakan Facebook ($M=4.66$; $SP= 0.93$), menambah kenalan baharu ($M= 4.00$; $SP= 1.134$), mengemaskini profil ($M=3.90$, $SP= 1.047$), memuat naik gambar ($M=3.55$; $SP= 1.325$), menulis kepada dinding rakan ($M=3.45$; $SP= 1.088$) dan dinding sendiri ($M=3.41$; $SP= 1.427$)

Kajian ketagihan Facebook juga banyak berkaitan dengan bilangan rakan yang terdapat dalam akaun pengguna. Rakan dalam Facebook ini terdiri daripada rakan yang dikenali dengan rakan yang tidak dikenali. Hasil analisis menunjukkan secara purata setiap responden mempunyai 115 orang rakan yang dikenali dan 108 orang rakan yang tidak dikenali. Analisis seterusnya adalah bagi menentukan hubungan antara bilangan rakan dengan ketagihan Facebook. Perkaitan ini bertujuan untuk menentukan sama ada dengan mempunyai bilangan rakan yang dikenali ataupun tidak dikenali akan mempengaruhi ketagihan Facebook. Bagi tujuan tersebut, analisis statistik inferensi menggunakan korelasi Pearson telah digunakan. Jadual 6 menunjukkan hubungan antara bilangan rakan (rakan dikenali dengan tidak dikenali) dalam Facebook responden dengan ketagihan Facebook.


Jadual 6: Hubungan antara Bilangan Kenalan dikenali dan Tidak Dikenali Dengan Ketagihan Facebook

	Ketagihan Facebook (Pekali Kolerasi, r)	Interpretasi Hubungan
Rakan dikenali	.226**	Hubungan Lemah
Rakan tidak dikenali	.128*	Hubungan Lemah

** $p < 0.05$, * $p < 0.01$

Analisis data menunjukkan terdapat hubungan signifikan antara bilangan rakan yang dikenali [$r(300) = .226; p < .05$] dan rakan yang tidak dikenali [$r(300) = .128; p < .01$] dengan ketagihan Facebook. Namun begitu menurut Cohen (1998), kedua-dua hubungan ini merupakan hubungan positif yang lemah.

Analisis seterusnya adalah mengkaji tahap ketagihan Facebook berdasarkan kepada kategori kelas (rujuk Rajah 3).



Rajah 3: Boxplot min ketagihan Facebook berdasarkan kategori Kelas

Merujuk kepada rajah 3, nilai min keseluruhan bagi ketagihan Facebook tidak jauh berbeza antara ketiga-tiga kategori kelas tersebut dengan kelas C mempunyai nilai min tertinggi ($M = 51.97, SD=13.77$) berbanding dengan pelajar kelas B ($M=50.02, SP=16.75$) dan kelas A ($M=48.56, SP=15.26$). Ujian ANOVA satu hala dijalankan bagi menentukan sama ada terdapat perbezaan signifikan antara ketiga-tiga kategori kelas (rujuk Jadual 7).

Jadual 7 : Keputusan Ujian ANOVA

	Jumlah kuasa dua	Darjah Kebebasan	Min Kuasa dua	F	Signifikan
Antara kumpulan	585.407	2	292.703	1.249	.288
Dalam kumpulan	69587.510	297	234.301		
Jumlah	70172.917	299			

Dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan signifikan min ketagihan Facebook dalam kalangan kumpulan pelajar kategori kelas A, B dan C [$F(2,65) = 2.339 p = .105 > 0.05$]. Dapatan ini menunjukkan ketagihan Facebook ini tidak terhad kepada pelajar yang lemah prestasi akademik tetapi juga merangkumi pelajar yang kategori sederhana dan pandai.

PERBINCANGAN

Facebook merupakan satu aplikasi laman yang begitu popular sehingga mampu menarik lebih 500 juta pengguna berdaftar. Penggunaan Facebook bukan sahaja popular dalam kalangan remaja tetapi juga dalam pelbagai peringkat usia. Berita tentang penggunaan Facebook juga sering kali menjadi bahan berita akhbar sama ada berita bercorak positif mahupun negatif. Kajian yang dijalankan ini tertumpu pada penggunaan Facebook dalam kalangan pelajar sekolah memandangkan pada peringkat usia sebegini penggunaan Facebook perlu dipantau supaya mereka ini tidak menyalah gunakannya. Semasa borang soal selidik ini diedarkan, kurang daripada 5% pelajar yang tidak mempunyai akaun Facebook. Secara tidak langsung ini boleh memberi gambaran bahawa pelajar sekolah yang mempunyai akaun Facebook berada pada peratusan tertinggi. Fenomena ini selari dengan laporan akhbar oleh Borhan Abu Samah (2010) yang menyatakan trend remaja sekarang yang tidak mahu dianggap sebagai ketinggalan zaman atau dipersendakan sekiranya tidak mempunyai akaun Facebook.

Ketaksuhan secara berlebihan terhadap Facebook ini akan menimbulkan satu penyakit sosial yang baharu iaitu ketagihan terhadap Facebook. Kajian ini telah menunjukkan bahawa majoriti responden daripada semua sekolah yang dikaji berada pada ketagihan Tahap 2 iaitu ketagihan Facebook pada tahap sederhana. Malahan kajian ini menunjukkan bahawa responden dari kelas pandai, kelas sederhana dan kelas lemah juga majoritinya mengalami ketagihan Tahap 2. Pada tahap ini, menurut Young (1998) penggunaan yang berlebihan boleh menimbulkan masalah kepada responden. Walaupun kajian menunjukkan bahawa tidak ramai responden berada pada tahap serius tetapi sekiranya tidak dikawal akan menjurus kepada ketagihan yang tidak terkawal. Ini seperti mana kajian oleh Mohd Effendi (2010) yang mendapati 54% pelajar di sebuah sekolah mempunyai tahap ketagihan Facebook yang tinggi.

Ketagihan Internet ataupun Facebook biasanya dikaitkan dengan penggunaannya secara berlebihan. Pengguna yang akses Internet dalam satu jangka masa yang lama akan menjurus kepada ketagihan. Kajian ini menunjukkan responden yang mempunyai ketagihan Tahap 2 dan Tahap 3 akan akses Facebook antara satu hingga tiga jam pada persekolahan dan juga hujung minggu. Selari dengan kajian Mohd Effendi (2010) menunjukkan 38% pelajar sekolah akan mengakses Facebook sekurang-kurangnya 2 jam sehari. Ini jelas menunjukkan bahawa Facebook boleh dianggapkan sebagai satu aktiviti rutin dalam kalangan pelajar sekolah.

Penggunaan Facebook dalam kalangan pelajar universiti juga menunjukkan mereka meluangkan masa yang lebih lama untuk melayari laman Facebook. Sebagai contoh, kajian oleh Sheldon (2008) menunjukkan secara purata pelajar akses Facebook selama 5 jam seminggu. Kajian oleh Ellison et. al (2007) pula menyebut pelajar menghabiskan masa 10 – 30 minit setiap hari untuk akses Facebook. Seterusnya kajian Ros et. al (2009) juga menunjukkan pelajar universiti akan akses laman sosial antara 10 – 60 minit sehari. Hal ini jelas menunjukkan bahawa Facebook merupakan antara laman yang wajib mereka lawati setiap kali mereka akses Internet.

Kelekaan pelajar untuk melayari Facebook ini boleh memberi implikasi yang besar memandangkan mereka masih berada di peringkat sekolah. Apabila mereka terlalu asyik melayari laman Facebook, mereka tidak sedar bahawa mereka telah melayari lebih daripada waktu sepatutnya menyebabkan rasa keletihan di sekolah. Secara tidak langsung menyebabkan mereka tidak dapat menumpukan perhatian di sekolah. Perkara ini adalah seperti mana ditegaskan Cohen (2009) yang telah menggariskan bahawa mereka yang mengalami ketagihan Facebook akan sentiasa gelisah sekiranya tidak dapat akses kepada laman Facebook dan juga akan menghadapi masalah kurang tidur.

Penggunaan Facebook bagaimanapun tidak semestinya dikaitkan dengan aktiviti yang negatif semata-mata kerana terdapat juga aplikasi dalam Facebook yang bersesuaian untuk aktiviti bercorak akademik yang dapat mendatangkan kebaikan. Namun begitu, pada peringkat usia sebegini, agak sukar untuk mereka mengerti bagaimana Facebook boleh dimanfaatkan bagi tujuan akademik. Salah satu ciri yang menjadi kegemaran kepada pengguna Facebook adalah kemampuannya untuk mencari rakan melalui enjin carian. Facebook kini telah menjadi trend untuk mereka mencari rakan-rakan lama sekolah atau semasa di universiti dahulu. Pengguna Facebook juga akan sering berlumba-lumba menambah kenalan sama ada yang mereka kenali ataupun bagi mencari rakan yang baharu. Kajian yang dijalankan menunjukkan bahawa secara purata pelajar mempunyai bilangan rakan dikenali seramai 115 orang dan rakan yang tidak dikenali pula seramai 109 orang. Angka ini tidak jauh berbeza dengan kajian Mohd Effendi (2010) yang menunjukkan secara purata pelajar mempunyai rakan antara 201 hingga 300. Kajian Sheldon (2010) pula mendapat majoriti pelajar mempunyai 200 hingga 350 rakan. Sementara itu, kajian oleh Ellison et. al (2007) juga menunjukkan secara purata mereka mempunyai 150-200 orang rakan. Malahan, dalam laman rasmi Facebook juga menyatakan secara purata pengguna Facebook mempunyai 130 orang rakan dalam laman Facebook.

Kajian yang dijalankan ini menunjukkan terdapat hubungan signifikan antara pelajar yang ketagihan Facebook dengan bilangan rakan yang dikenali dan juga rakan yang tidak dikenali. Walaupun dapatan kajian menunjukkan bahawa hubungan ini adalah lemah tetapi akan tetap mendatangkan implikasi yang negatif seperti kes-kes lari dari rumah, penipuan Internet, mangsa buli, jenayah seksual dan sebagainya. Perkara ini perlu diambil perhatian serius memandangkan kepintaran dalam sistem Facebook yang boleh mengesyorkan rakan-rakan baharu yang tidak dikenali kepada pengguna Facebook untuk ditambah sebagai rakan. Hal ini membimbangkan kerana mereka masih di bangku sekolah yang masih mentah dan sering diperalatkan oleh mereka yang mempunyai agenda tersendiri. Mereka yang mengalami ketagihan Facebook akan menjadi terlalu taksub sehingga akan terlupa akan nilai-nilai kemanusiaan. Ini seperti mana laporan artikel yang ditulis oleh Borhan Abu Samah (2010) berjudul ‘Facebook punca masalah sosial’ dalam kalangan remaja Indonesia yang merujuk kepada permasalahan penggunaan Facebook di negara jiran tersebut. Antara lain, artikel ini menyebut perkembangan teknologi yang begitu cepat menyebabkan banyak pihak belum bersedia dengan kesan buruk yang muncul daripadanya. Facebook kini mendatangkan masalah kepada ibu bapa yang tidak mengikuti perkembangan teknologi itu. Anak-anak yang masih di bangku sekolah rendah menjadikan Facebook untuk berkenalan dengan teman yang baharu.

Secara umumnya penggunaan Facebook adalah sangat berpengaruh terhadap sikap penggunanya dan boleh mendatangkan kesan negatif. Bagaimanapun Facebook dapat membantu pengguna untuk terus berhubung dengan rakan-rakan baharu dan lama dalam dunia yang semakin kompleks dan dihambat dengan kekangan masa (Adham Shadan, 2008). Namun begitu, pengguna yang dikategorikan sebagai ketagih dalam Facebook akan menyebabkan berlaku penurunan produktiviti kerja, prestasi pendidikan, dan kepincangan dalam kehidupan bersosial. Manakala dalam konteks akademik, pelajar yang melayari laman Facebook secara berlebihan akan meluangkan masa melayari laman sosial tersebut berbanding dengan menumpukan masa dalam pelajaran.

Rujukan

- Adham Shadan. (2008, August 3). Friendster atau Facebook?. *Kosmo*. Diakses daripada <http://www.kosmo.com.my>
- Borhan Abu Samah (2010, Februari 27). Facebook punca masalah sosial kalangan remaja Indonesia. *Utusan Malaysia*. Diakses daripada <http://www.utusan.com.my>.
- Cassidy, J. (2006, May 15). Me media. *The New Yorker*, 50–59.
- Cohen, E. (2009, April 23). Five clues that you are addicted to Facebook. Retrieved from http://articles.cnn.com/2009-04-23/health/ep.facebook.addict_1_facebook-page-facebook-world-social-networking?_s=PM:HEALTH
- Cohen, J. (1988). *Statistical power analysis for the behavioral sciences* (2nd edition). Hillsdale, NJ: Erlbaum.
- Coley, T. (2006). Student on cyber communities. University of Carolina.
- Ellison, N. B., Steinfield, C., & Lampe, C. (2007). The benefits of facebook “friends:” social capital and college students' use of online social network sites. *Journal of Computer-Mediated Communication*, 12(4), 1143-1168.
- Johardy Ibrahim (2010, Jun 6). Facebook hampiri angka 500 juta pengguna. *Utusan Malaysia*. Diakses daripada <http://www.utusan.com.my>.
- Ketagihan Facebook. (2010, Sepetember 19). *Berita Minggu*. Diakses daripada <http://www.bharian.com.my>
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30, 607-610.
- Mohd Effendi Mohd Matore (2010). Facebook : Fenomena yang membawa ketagihan. Proceedings of Regional Conference on Knowledge Integration in ICT 2010. Diakses daripada http://www.kuis.edu.my/ictconf/proceedings/606_integration2010_proceedings.pdf
- Mohd Shamsuriyadi Mamat. (2010, March 17). Gunakan Facebook secara positif. *Utusan Malaysia*. Diakses daripada <http://utusan.com.my>
- Pempek, T.A., Yermolayeva, Y. A., & Calvert, S.L. (2009). College students' social networking experiences on Facebook. *Journal of Applied Developmental Psychology*, 30, 227–238.
- Rice, M. (2005). Online addiction. *Beijing Review*, 48(46), 32–33.
- Rosmalina Abd. Kadir (2010, April 5). Ketagihan laman sosial maya, Kosmo. Diakses daripada <http://www.kosmo.com.my>
- Ross, C., Orr, E.S., Sisic, M., Arsenault, J.M., Simmering, M.G. & Orr, R.R. (2009). Personality and motivations associated with Facebook use. *Computers in Human Behavior*, 25 (2009) 578–586.
- Shapira, N. A., Goldsmith, T. G., Keck, P. E., Jr., Khosla, U. M., & McElroy, S. L. (2000). Psychiatric features of individuals with problematic internet use. *Journal of Affective Disorders*, 57, 267–272.
- Sheldon, P. (2008). Student favorite: Facebook and motives for its use. *Southwest Mass Communication Journal*, 23,39-55.
- Young, K.S. (1998). *Caught in the Net*. New York: John Wiley & Sons.